

Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005

6 September 2005

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur

KEUSAHAWANAN ISLAM

Dalam Era Globalisasi



PENERAPAN BUDAYA KEUSAHAWANAN DALAM MASYARAKAT ISLAM

**Prof. Madya Dr Ab. Mumin Ab Ghani
Suhaili Sarif
Universiti Malaya**



Anjuran: Jabatan Syariah dan Pengurusan

PENERAPAN BUDAYA KEUSAHAWANAN DALAM MASYARAKAT ISLAM

**Prof. Madya Dr Ab. Mumin Ab Ghani
Suhaili Sarif
Universiti Malaya**

PENGENALAN

Keusahawanan merupakan bidang strategik yang sentiasa menjadi perhatian dan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Bagi umat Islam, keusahawanan telah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tamadun Islam sejak dari zaman Rasulullah lagi. Keusahawanan atau lebih dikenali dengan perniagaan merupakan bidang pilihan umat Islam khususnya pada awal kedatangan Islam, malah tidak terkecuali Rasulullah sendiri. Berdagang menyusuri semenanjung tanah Arab bersama kafilah dagang Arab yang lain, Rasulullah telah membuktikan bahawa keusahawanan merupakan kerjaya strategik yang perlu dihayati oleh umat Islam seluruhnya.

Bermula dari zaman tersebut, kegemilangan Islam terus disokong oleh golongan-golongan usahawan yang terdiri daripada para sahabat dan tabi'in. Para sahabat telah membuktikan bahawa perniagaan merupakan sumber utama dalam menggerakkan ekonomi umat Islam. Malah mereka telah menunjukkan bahawa mereka lebih berkaliber dalam bidang ini berbanding bangsa lain termasuk Yahudi. Perniagaan yang dijalankan pada ketika itu lebih telus dan jauh daripada masalah-masalah penipuan. Islam juga secara langsung amat menyokong dan memberikan ruang yang cukup luas bagi urusan jual beli dan perniagaan ini. Ini bersesuaian dengan ayat al Quran yang bermaksud :

*“ Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”
al-Baqarah (2):275*

Oleh itu tidak hairanlah terdapat banyak kaedah dan akad-akad dalam muamalat yang telah diperkenalkan oleh Islam sejak zaman Rasulullah lagi. Akad-akad seperti *Mudarabah*, *Musyarakah* dan pelbagai akad *Bay'* telah digunakan secara meluas di samping penerimaan Islam terhadap kaedah-kaedah muamalat menurut '*Uruf*'. Semua kaedah-kaedah dalam muamalat yang pelbagai ini telah memberi ruang yang cukup luas kepada umat Islam bermuamalat dengan mudah dan teratur.

Walau bagaimanapun kegemilangan itu tidak lagi dikecapi oleh umat Islam. Dunia tanpa sempadan pada hari ini telah menggugat dan melumpuhkan usahawan-usahawan muslim yang hanya mampu bergerak secara mikro dalam persekitaran negara masing-masing yang terbatas.

Menyedari masalah ini, umat Islam perlu bangkit dengan segera memperbetulkan kesilapan lama dan terus mengambil peluang yang semakin besar dalam persekitaran ekonomi dunia pada hari ini. Kertas ini cuba membincangkan bagaimana masyarakat Islam khususnya di Malaysia dapat menerapkan budaya keusahawanan. Ini penting

kerana melalui pembudayaan inilah dapat dihasilkan golongan usahawan Muslim yang kental dan berdaya saing.

ISLAM DAN KEUSAHAWANAN

Keusahawanan adalah kata terbitan daripada perkataan usahawan. Istilah ini lahir daripada perkataan usaha yang bermaksud daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan lain-lain perkara untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan.¹ Bagi ahli ekonomi, usahawan merupakan individu yang menyatukan faktor-faktor buruh, material dan faktor lain yang menjadikannya lebih bernilai, dan individu yang membuat perubahan, pembaharuan serta inovasi. Bagi ahli psikologi pula, usahawan merupakan mereka yang didorong oleh kuasa tertentu seperti keperluan terhadap sesuatu, untuk mengkaji atau mengelakkan daripada kongkongan orang lain. Menurut perspektif peniaga, usahawan mungkin merupakan ancaman atau pesaing tetapi dalam masa yang sama merupakan rakan niaga, pembekal atau pelanggan kepada peniaga lain dan mungkin seorang yang mencari cara baru untuk menggunakan sumber secara lebih baik serta mencipta lebih banyak peluang pekerjaan.² Berdasarkan definisi-definisi tersebut bolehlah disimpulkan bahawa keusahawanan merupakan satu proses mencipta sesuatu yang baru dengan usaha dan masa serta melibatkan pelbagai risiko kewangan, fizikal dan sosial untuk mendapatkan ganjaran yang berbentuk kewangan, kepuasan dan kebebasan.³

Dalam ekonomi, keusahawanan bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan per kapita, malah bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur sosial dan masyarakat. Perkembangan keusahawanan dan pertambahan usahawan menunjukkan perkembangan ekonomi yang positif bagi sesebuah negara. Inovasi yang terhasil melalui keusahawanan akan memperkembangkan penawaran dan kepelbagaian dalam ekonomi.

Islam sebagai *al-din* yang mencakupi segala bidang telah menyedari kepentingan keusahawanan ini sejak sekian lama dan memberikan galakan kepada umatnya agar menceburi bidang ini. Walaupun Islam mengiktiraf bekerja di bawah orang lain merupakan pekerjaan yang baik, bekerja sendiri tetap merupakan pilihan terbaik. Ini dibuktikan dengan sabda Rasul yang bermaksud:

“Daripada Rafi’ bin Hadij bahawa Rasulullah ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik. Rasulullah menjawab “kerja seseorang dengan tanganya sendiri dan perniagaan yang diberkati”⁴

Daripada maksud hadis tersebut, jelaslah bahawa Islam amat menggalakkan umatnya bekerja sendiri dan menceburi bidang keusahawanan. Ini kerana bidang ini bukan sahaja menjana pendapatan peribadi dan menghalang seseorang daripada memintaminta, malah dapat memberi peluang pekerjaan kepada orang lain.

¹ Kamus Dewan secara online <http://www.karyanet.com.my/>, 1 Ogos 2005

² Karl Vesper (1980), *New Venture Strategies*, New Jersey: Prentice Hall, h.2

³ Hisrich Robert. D & Peters Micheal P. (2002), *Entrepreneurship*, Edisi 5. USA: Mc Graw Hill, h. 10

⁴ Musnad Ahmad, Kitab Musnad al Syamayn, Bab Hadis Rafi’ bin Hadij RA, no.16628

Golongan usahawan juga tidak hanya dipandang mulia malah dijanjikan dengan balasan yang baik di akhirat sekiranya mereka benar-benar memenuhi tuntutan agama. Ini dijelaskan dalam sebuah hadis berikut:

“Abi Sa’id menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w berkata: “Seorang peniaga yang jujur dan amanah akan bersama nabi-nabi, para siddiqin dan para syuhada’ ”⁵

Kedudukan yang begitu istimewa dijanjikan oleh Allah melalui Rasulnya kepada golongan usahawan dengan syarat mereka benar-benar jujur dan ikhlas serta tidak mengejar keuntungan semata-mata. Di samping itu mereka haruslah benar-benar memahami dan menghayati konsep perniagaan yang telah ditetapkan dalam Islam.

Konsep perniagaan dalam Islam melebihi objektif dunia yang hanya berlegar di sekitar keuntungan sahaja. Dalam Islam, perniagaan mempunyai nilai dan objektif yang meliputi kehidupan dunia dan akhirat. Perniagaan bukan sahaja menjadi sumber mencari rezeki malah satu cabang ibadah yang dapat mendekatkan diri dengan Allah. Konsep *ubudiyah* ini sememangnya menjadi teras segala perlakuan dan aktiviti harian umat Islam. Dengan ini ibadat tidaklah terhad dengan ibadat khusus sahaja malah meliputi segala aktiviti harian yang dikira sebagai ibadah umum.

Selain itu keusahawanan juga merupakan penghubung antara peniaga dan masyarakat. Peranan peniaga untuk memenuhi keperluan pengguna merupakan suatu yang amat dipuji oleh Islam. Hal ini ditegaskan dalam satu hadis yang bermaksud:

“ Diceritakan daripada Salim daripada bapanya bahawa Rasulullah bersabda : “Setiap muslim adalah saudara seorang muslim yang lain di mana dia tidak boleh menzaliminya dan tidak pula menyerahkan saudaranya tadi kepada musuhnya (kafir). Barangsiapa yang memenuhi hajat saudaranya, maka Allah akan memenuhi hajatnya, dan barangsiapa yang melepaskan saudaranya daripada kesukaran, maka Allah akan melepaskannya daripada kesukaran di hari akhirat, dan barangsiapa yang memelihara keaiban saudaranya di dunia maka Allah akan memelihara keaibannya di hari akhirat”⁶

Aktiviti perniagaan yang dijalankan dapat merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara umat Islam di samping mengukuhkan ekonomi mereka. Oleh sebab itu dalam bermuamalat Rasulullah sentiasa mengingatkan umatnya agar sentiasa mengamalkan budi pekerti yang baik. Ini penting kerana persaudaraan yang lebih erat tidak akan terbentuk jika kedua-dua belah pihak tidak mengamalkan nilai-nilai yang baik dan terpuji. Rasulullah bersabda:

“ Daripada Jabir bin “Abd Allah bahawa Rasulullah bersabda: “Semoga Allah merahmati seseorang yang sentiasa bertoleransi ketika menjual, membeli dan menuntut haknya”⁷

⁵ Sunan Tirmizi, Kitab al-Buyu’ an Rasulullah, Bab Ma Jaa fi al Tijari wa Tasmiyah al Nabi, no. 1130

⁶ Sunan al-Tirmizi, Kitab al-Hudud, Bab Ma jaa fi al-Sitr ‘ala al-Muslim, no. 1346

⁷ Sahih Bukhari, Kitab al-Buyu’, Bab al-Suhulah wa al-Samahah fi al Syira’ wa al-Bay’, no. 1934

Hal ini menunjukkan bahawa perniagaan dan keusahawanan memainkan peranan penting bersesuaian dengan kedudukan yang dijanjikan kepada para usahawan yang jujur dan ikhlas. Ini seharusnya menjadi dorongan dan motivasi kepada umat Islam agar lebih ramai menceburi bidang ini dari semasa ke semasa.

BUDAYA KEUSAHAWANAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Budaya bermaksud kemajuan fikiran, akal budi (cara pemikiran, berkelakuan dan sebagainya).⁸ Ia juga ditafsirkan sebagai satu set sikap, tingkah laku, nilai-nilai dan tindakan yang dikongsi bersama oleh sekumpulan manusia, syarikat dan sebagainya.⁹ Keusahawanan pula adalah merupakan kata terbitan usahawan yang merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan usahawan.¹⁰ Oleh yang demikian budaya keusahawanan bolehlah disimpulkan sebagai cara pemikiran, sikap, norma dan kelakuan yang dimiliki dan dipraktikkan oleh individu usahawan itu sendiri.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, Islam amat menyanjung bidang keusahawanan dan memberikan keistimewaan khusus kepada usahawan. Untuk menyemai budaya keusahawanan ini kita perlu mengenali dan mengetahui apakah ciri-ciri dan gelagat yang perlu ada dan harus diamalkan oleh setiap usahawan muslim. Antara ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut:

1. Mengamalkan nilai-nilai murni keusahawanan

Nilai dan akhlak tidak dapat dipisahkan daripada keusahawanan. Ia merupakan asas pembentukan peribadi setiap individu muslim termasuklah usahawan. Dalam bidang perniagaan, Islam mewajibkan setiap usahawan untuk berpegang teguh dengan nilai yang baik dan menjauhi nilai-nilai yang buruk. Oleh sebab itulah jaminan hanya diberikan kepada usahawan yang benar-benar jujur dan ikhlas sahaja.

Terdapat banyak nilai-nilai baik yang perlu diamalkan oleh para usahawan. Kajian menunjukkan terdapat banyak nilai-nilai murni dan gelagat yang baik wujud dalam diri mereka. Nilai dan gelagat inilah yang menyebabkan mereka berjaya mengharungi pelbagai rintangan dalam perniagaan. Antara nilai dan gelagat yang wujud menurut beberapa kajian adalah seperti berani menanggung risiko, berdikari, mempunyai ciri-ciri kepimpinan, murah hati, optimis, kuasa, perihatin, keperluan pencapaian yang tinggi, keyakinan diri dan banyak lagi.¹¹

Ciri-ciri, gelagat serta sikap-sikap tersebut boleh dikategorikan sebagai sikap yang positif atau terpuji (*mahmudah*). Malah Rasul sendiri sebagai peniaga yang berjaya telah menunjukkan ciri-ciri tersebut dalam kehidupan seharian baginda. Baginda berjaya membuktikan bahawa dengan mengamalkan sifat-sifat yang baik, perniagaan masih menguntungkan malah lebih baik berbanding peniaga yang tidak jujur.

⁸ Kamus Dewan secara online <http://www.karyanet.com.my/>, 1 Ogos 2005

⁹ Meriam Webster Online Dictionary, <http://www.m-w.com/cgi-bin/dictionary?book=Dictionary&va=culture&x=19&y=15>, 1 Ogos 2005

¹⁰ Kamus Dewan secara online <http://www.karyanet.com.my/>, 1 Ogos 2005

¹¹ Lihat Litzinger, W.D. (1965), *The Model Entrepreneur and the Motel Manager*, *Academy of Management Journal*, Vol 8. hh 268-281, Lihat juga Mc Clelland, D. (1961), *The Achieving Society*. New Jersey: Van Nostrand, h. 23

Keuntungan yang menjadi objektif baginda bukanlah semata-mata keuntungan kebendaan tetapi keredaan Allah adalah lebih utama. Firman Allah yang bermaksud:

“ Wahai orang-orang yang beriman, mahukah aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?. Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan Rasulnya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan ugama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”

Al-Saf (61): 10-11

Dalam membicarakan nilai-nilai murni keusahawanan, berikut adalah antara contoh nilai yang banyak disentuh dalam al-Quran dan al-Sunnah.:

a. Nilai kepimpinan dan pengurusan yang baik

Kepimpinan dan pengurusan yang baik merupakan nilai yang utama dalam budaya keusahawanan. Usahawan perlu mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan mampu mengurus perniagaan dengan baik dan teratur. Nilai-nilai ini seharusnya diamalkan dan dihayati oleh semua orang serta tidak hanya terhad kepada usahawan sahaja. Ini penting kerana setiap manusia mempunyai tanggungjawab tersendiri dan perlu mengurus tanggungjawabnya dengan baik dan teratur.

Daripada ‘Abd Allah bin ‘Umar (ra) sesungguhnya beliau mendengar Rasulullah bersabda: “ setiap daripada kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab di atas apa yang dipimpin. Maka ketua adalah pemimpin dan bertanggungjawab di atas orang bawahannya dan suami adalah pemimpin dalam keluarganya dan bertanggungjawab di atas ahli keluarganya. Dan isteri di dalam rumah suaminya adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas apa yang di bawah jagaannya, dan seorang hamba adalah pemimpin (penjaga) kepada harta tuannya dan bertanggungjawab di atas apa yang di bawah jagaannya.”¹²

Nilai-nilai kepimpinan ini sebenarnya telah menjadi budaya umat Islam sejak dahulu lagi. Malah kepimpinan yang baik telah tersemam di kalangan kaum Quraisy sebelum kedatangan Islam lagi. Ini menjadikan Quraisy merupakan antara bangsa pilihan yang telah bertamadun sejak sekian lama.¹³ Rasulullah pula merupakan manusia pilihan dalam bangsa yang terbaik dalam zamannya. Ini terbukti apabila baginda telah dipilih menjadi orang yang meletakkan *Hajar Aswad* kembali ketempatnya seterusnya menyelesaikan perbalahan yang berlaku. Pemilihan ini adalah atas dasar ketokohan dan kemuliaan peribadi Baginda di mata orang-orang Quraisy.¹⁴

Selain daripada hadis di atas, banyak ayat-ayat yang menyentuh mengenai perlunya pengurusan yang baik dan teratur. Ini termasuklah proses perancangan,

¹² Sahih Bukhari, Kitab al-‘Itaq, Bab al-‘Abd Ra’in fi Mal Sayyidih , no hadis 2371

¹³ Muhammad Said Ramadan al-Buti (1996), *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr, h.45

¹⁴ *ibid*, h 56

pengorganisasian, pengurusan sumber manusia, kawalan dan sebagainya. Sebagai contoh tafsiran ayat 60 dalam Surah al-Anfal:

“ Dan bersiap sedialah kamu menghadapi mereka dengan kemampuan yang ada pada kamu daripada kekuatan dan kuda-kuda perang ”

Ayat ini menunjukkan kepentingan perancangan yang rapi dari semua segi sebelum menghadapi atau memulakan sesuatu tindakan. Tindakan tanpa mempunyai perancangan yang baik akan hanya menyebabkan kerugian yang besar.

Dari segi proses membuat keputusan pula Allah telah memberikan garis panduan yang jelas dan telah dipraktikkan oleh Rasulullah sendiri dalam pentadbirannya. Konsep Syura terbukti amat berkesan dan masih relevan sehingga kini. Firman Allah yang bermaksud:

“ Dan segala urusan hendaklah dimesyuaratkan dikalangan kamu ”

al-Syura (42): 38

Di samping itu Allah juga menyeru agar usahawan mengamalkan sistem perakaunan dan simpan kira yang baik. Ini digambarkan secara ringkas melalui sepotong ayat yang berbunyi:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya itu). Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar)”

al- Baqarah (2): 282

Selain daripada ayat-ayat tersebut banyak lagi ayat-ayat yang menyentuh secara langsung mahupun tidak langsung fungsi-fungsi pengurusan.

b. Berani menghadapi risiko

Risiko merupakan elemen yang tidak dapat dipisahkan dengan bidang perniagaan dan keusahawanan. Tahap risiko inilah yang akan menentukan kadar keuntungan yang akan diperolehi. Oleh yang demikian, usahawan perlulah bersedia dan berani menghadapi sebarang kemungkinan dalam perniagaan yang dijalankan.

Rasulullah dan sahabat telah menunjukkan contoh keberanian menghadapi sebarang risiko dalam menegakkan kalimah Allah. Mereka sanggup berperang dengan bilangan tentera yang jauh lebih sedikit berbanding kaum Musyrikin. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna umat Islam perlu berani secara membuta tuli. Keberanian haruslah disertai dengan strategi dan perancangan yang baik.

Antara kisah yang dapat dijadikan contoh adalah kisah Abdul Rahman ‘Auf. Beliau sanggup menolak pelawaan saudara Ansarnya untuk diberikan sebahagian harta beliau. Abdul Rahman memilih untuk berniaga walaupun beliau tahu risikonya jika

mengalami kerugian. Jika beliau seorang yang takutkan risiko beliau akan memilih untuk menerima harta Saad Ibn Rabi'. Walaupun begitu oleh kerana beliau sedar kebolehan dan kemampuannya maka beliau memilih untuk berniaga dan akhirnya berjaya menjadi antara sahabat yang terkaya pada ketika itu.¹⁵

c. Amanah

Amanah juga merupakan nilai yang amat penting dalam keusahawanan. Ia merupakan sifat mulia nabi-nabi dan rasul-rasul. Dalam hal ini Rasulullah sendiri telah menunjukkan contoh terbaik sehingga digelar al-Amin. Allah berfirman:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.”

Al- Nisa' (4): 58

Kisah sifat amanah Rasul dan ketokohnya dalam bidang keusahawanan ini tidak dapat disangkal lagi. Allah telah mendidik Nabi supaya bersifat amanah melalui kerjanya sebelum menjadi peniaga iaitu sebagai pengembala kambing. Sifat inilah yang menambat hati Khadijah sehingga sanggup membuat pelaburan yang besar dan memilih Rasulullah untuk menguruskan perniagaannya ke Syam. Sebagai balasan Rasulullah telah berjaya mendapat keuntungan yang paling besar berbanding peniaga-peniaga yang pernah dilantik oleh Saidatina Khadijah sebelum ini. Hal ini membuatkan Saidatina Khadijah lebih kagum dan terus meminang lalu berkahwin dengan Baginda.¹⁶

d. Sabar

Ramai tokoh-tokoh usahawan yang beberapa kali menghadapi kegagalan dan terpaksa membina semula perniagaan daripada awal. Tokoh-tokoh seperti Hendry Ford, Albert Kwok, Boon Siew dan ramai lagi merupakan usahawan yang telah menghadapi pelbagai kesukaran pada awal pembabitan mereka dalam perniagaan. Walau bagaimanapun, atas daya usaha dan kesabaran yang tinggi mereka berjaya membina empayar perniagaan yang besar. Oleh yang demikian tahap kesabaran yang tinggi amat penting bagi memastikan usahawan berjaya mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan. Sifat sabar ini juga merupakan sifat para rasul dan nabi-nabi. Ini dijelaskan dalam maksud ayat berikut:

“Dan demi sesungguhnya, Rasul-rasul sebelummu pernah juga didustakan, maka mereka sabar terhadap perbuatan orang-orang yang mendustakan mereka dan menyakiti mereka, sehingga datanglah pertolongan Kami kepada mereka; dan sememangnya tiada sesiapa pun yang dapat mengubah kalimah-kalimah Allah (janji-janjinya mempertahankan Rasul-rasulnya); dan demi sesungguhnya; telah datang kepadamu sebahagian dari khabar berita Rasul-rasul itu.”

Al-An' am (6): 34

¹⁵ Khalid Muhammad Khalid (1968), *Rijal Haula al-Rasul*. Kaherah: dar al Kitab al- Hadithah, h. 642

¹⁶ *ibid*, h. 52

Sebagai manusia biasa, para usahawan dituntut untuk sentiasa memohon kepada Allah agar sentiasa diperteguhkan kesabaran dalam menghadapi pelbagai masalah. Sabar dalam Islam termasuklah sabar dalam melaksanakan perintah dan sabar dalam meninggalkan segala larangan Allah. Firman Allah yang bermaksud:

“ Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan mengerjakan sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar”

al-Baqarah(2): 153

e. Bersedekah

Konsep sedekah merupakan konsep yang luas dan penting dalam ekonomi Islam. Sedekah bukan sahaja dibuat semata-mata untuk mendapatkan ganjaran daripada Allah tetapi yang lebih utama adalah memberikan kestabilan ekonomi umat Islam. Usahawan haruslah menyedari obligasi mereka untuk bersedekah sebagaimana maksud firman Allah:

“ Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)”

al-Zariyat (51): 19

Dalam hal ini para sahabat Rasul telah menunjukkan contoh yang baik di mana mereka sanggup menyumbangkan sebahagian besar keuntungan mereka ke jalan Allah. Abdul Rahman ‘Auf telah meninfaqkan barang dagangannya yang baru pulang dari Syam sebanyak 700 tunggangan penuh dengan barang dagangan. Selain itu beliau juga telah menyumbang sebanyak seratus tunggangan penuh dengan muatan untuk para pejuang Islam di Madinah.¹⁷

Selain Abdul Rahman ‘Auf, Saydina Uthman juga merupakan usahawan yang sentiasa bermurah hati. Pada satu ketika baginda telah menderma sebanyak 300 tunggangan dengan muatannya sekali kepada tentera Islam. Beliau juga telah menyumbang gandum, minyak dan kismis sejumlah muatan 1000 ekor unta kepada umat Islam pada zaman pemerintahan Saydina Abu Bakar ketika berlaku kemelesetan ekonomi. Pada ketika itu terdapat pedagang-pedagang Madinah yang sanggup membeli barangan tersebut dengan harga yang tinggi sehingga 5 kali ganda. Ini membuktikan keimanan beliau yang lebih rela melepaskan kemewahan di dunia dan lebih mementingkan janji Allah yang jauh lebih baik di Akhirat.¹⁸ Sabda Rasulullah s.a.w:

¹⁷ Abi Na'im Ahmad bin 'Abd Allah al-Asbahani (1967), *Hulliyah Auliya' Wa Tabaqah al-Asfiya'*, Jilid 1. Beirut: Dar al Kitab al 'Arabi, h. 98-99

¹⁸ Lihat Muhammad Syukri Salleh (2001), *Pembangunan Zaman Rasulullah s.a.w Antara Kemiskinan dan Kekayaan*, Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan IDMP USM : Pulau Pinang, h. 7 ; Muhammad Yusuf al Kandahlawi (t.t), *Hayat al-Sahabah*, juzuk 2. Mesir; Dar al-wa'yi, h. 97

Bermaksud “Hakim bin Hazam berkata bahawa Rasulullah bersabda “Sebaik-baik sedekah adalah yang dikenakan terhadap orang yang kaya dan tangan yang diatas lebih baik daripada tangan yang di bawah maka mulakanlah bersedekah dengan orang yang terdekat denganmu”¹⁹

Nilai-nilai yang telah dinyatakan di atas merupakan nilai murni yang wujud dalam keusahawanan. Nilai-nilai tersebut adalah nilai universal yang harus diamalkan dan menjadi budaya umat Islam secara umum.

2. Konsep Ubudiyah

Islam sebagai agama yang syumul tidak memisahkan segala urusan perniagaan dengan nilai-nilai agama. Perniagaan bukan sahaja dianggap sebagai kerjaya tetapi juga dikira ibadat dalam Islam dan akan mendapat ganjaran sewajarnya di akhirat. Firman Allah yang bermaksud:

“Maka sesiapa yang berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya. Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)”

al-Zalzalah (99):

7-8

Usahawan muslim tidak seharusnya menjadikan untung material semata-mata sebagai objektif tertinggi. Objektif akhir haruslah difokuskan ke arah mencapai keredaan Allah. Hal ini telah ditegaskan oleh Allah melalui maksud ayat:

“Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku, semuanya kerana Allah, Tuhan semesta alam. Tiada baginya sekutu dan dengan demikian aku disuruh dan aku orang yang mula-mula Islam (tunduk kepada Allah)”

al-An’am (6): 162-163

Sebagai khalifah yang mentadbir dan memakmurkan bumi Allah, manusia haruslah sentiasa menuruti segala perintah dan meninggalkan segala larangannya. Manusia tidak mempunyai kuasa yang mutlak dalam semua hal, bahkan segala-galanya adalah dalam pengetahuan dan ketentuan Allah semata-mata. Inilah yang menjadikan banyak konsep yang berbeza antara perniagaan dalam Islam dan konvensional. Allah telah berfirman yang bermaksud:

“ Dan Dia menjadikan tiap-tiap sesuatu, lalu mengaturnya mengikut aturan tertentu”

al-Furqan (25): 2

¹⁹ Sunan Nasa’I, Kitab al-zakah, Bab Ayyi Sadaqah Afdal, no . 2323

Kefahaman dan penghayatan konsep *ubudiyah* ini akan memberikan impak yang nyata dalam prestasi seseorang individu. Seseorang muslim yang menyedari hal ini akan bekerja bersungguh-sungguh dan mengamalkan budaya kerja cemerlang. Mereka akan mematuhi segala arahan dalam melaksanakan tanggungjawab dan menghindari perkara-perkara yang dilarang. Ini akan memudahkan organisasi mencapai objektifnya dengan cepat dan tepat.

3. Jaringan perniagaan yang kukuh

Apabila hijrah umat Islam berlaku, antara strategi utama Rasulullah adalah membina masjid dan seterusnya mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar. Strategi ini merupakan asas kepada pengukuhan dan kekuatan masyarakat Islam yang masih baru di Madinah pada ketika itu. Ternyata strategi ini berjaya untuk membentuk ummah yang kuat dan berjaya mengalahkan musuh yang datang daripada luar.²⁰

Peristiwa ini menunjukkan bahawa kesatuan dan semangat kekitaan amat penting dalam membentuk satu komuniti yang kukuh termasuklah juga komuniti usahawan. Usahawan muslim seharusnya mempunyai jaringan keusahawanan yang kuat agar mereka dapat saling bantu-membantu memperkuat antara satu sama lain. Ini dinyatakan dengan jelas dalam mafhum hadis yang berbunyi:

*“ Diriwayatkan daripada Abu Musa bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Muslim sesama muslim adalah seperti sebuah bangunan yang saling kuat memperkuat antara satu sama lain... ”*²¹

Walau bagaimanapun usahawan Muslim pada hari ini gagal dalam hal ini menyebabkan mereka tidak dapat mengawal sumber penting seterusnya mengakibatkan mereka tidak dapat menawarkan produk pada harga yang kompetitif. Selain daripada itu pembentukan usahawan di kalangan umat Islam juga agak sukar kerana perniagaan yang baru biasanya memerlukan sokongan dari persekitaran yang kondusif termasuklah jaringan yang baik dan besar.

4. Tadbir urus korporat yang baik

Tadbir urus korporat merujuk kepada sistem di mana sesebuah syarikat diurus dan dikawal selia. Lembaga pengarah bertanggungjawab dalam pentadbiran syarikat manakala pemegang saham berperanan untuk melantik pengarah-pengarah dan juruaudit dan memastikan struktur yang betul sentiasa berjalan.²² Dalam konsep tadbir urus ini, fokus diberikan kepada soal-soal berkenaan tanggungjawab, akauntabiliti, ketelusan, kesepakatan dan kepimpinan. Hal ini penting bagi memastikan setiap individu dalam organisasi menjalankan tugas masing-masing dan tidak menyalahgunakan kuasa yang ada demi kepentingan peribadi.

Islam juga telah menetapkan mekanisme pengawalan yang lengkap meliputi pengawalan luaran dan sendiri. Mekanisme kawalan luaran adalah persekitaran individu itu sendiri meliputi rakan sekerja, organisasi dan masyarakat. Mekanisme ini

²⁰ Muhammad Said Ramadan al-Buti (1996), *opcit*, h.148

²¹ Sahih Bukhari, Kitab al-Adab, Bab Ta'awun al-Mu'minin Ba'dhum ba'da, no.5567

²² A. Manap Said (2001), The Role of academicians in Corporate Governance Initiatives, Kertas kerja dalam Seminar Corporate Governance and Best Practices in Malaysia, h. 2

wujud atas kesedaran bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing dan akan dipersoalkan mengenai tanggungjawabnya di akhirat nanti. Selain itu juga konsep *amar makruf nahi munkar* juga merupakan konsep yang mengarah kepada objektif berikut.²³

Pengawalan sendiri pula adalah pengawalan dari dalam diri individu sendiri yang lahir hasil daripada konsep *ihsan*.²⁴ Konsep *ihsan* ini dijelaskan melalui sepotong hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurayrah bahawa Nabi ditanya oleh Jibril mengenai pengertiannya:

*“ Jibril bertanya kepada Nabi apakah dia ihsan? Lalu Nabi menjawab Ihsan itu adalah kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihatNya, sekiranya kamu tidak dapat melihatnya maka sesungguhnya Allah sentiasa melihat kamu ”*²⁵

Dengan penghayatan konsep ini, fungsi pengawalan akan berjalan dengan lebih berkesan dan hasilnya objektif untuk mencapai tadbir urus yang baik akan dapat dicapai.

5. Kreatif dan inovatif

Kreatif bermaksud mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea yang asli. Manakala inovatif adalah perihal memulakan sesuatu yang baru.²⁶ Sebagai individu yang sentiasa mengenal pasti peluang, nilai kreatif dan inovatif merupakan nilai yang amat penting bagi setiap individu usahawan. Sifat inovatif ini amat digalakkan oleh Islam memandangkan Allah menciptakan setiap sesuatu adalah untuk digunakan oleh manusia. Hal ini dinyatakan melalui ayat yang bermaksud:

“Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi”

al-Baqarah (2): 29

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah menciptakan segala yang ada di muka bumi ini untuk dimanfaatkan oleh manusia. Walau bagaimanapun manusia perlulah berfikir bagaimana untuk mengubah sumber asas kepada produk yang dapat memenuhi kehendak mereka. Oleh sebab itu mereka dikurniakan akal fikiran dan keistimewaan ini haruslah digunakan sebaik-baiknya untuk kemudahan semua pihak. Sifat kreatif ini digambarkan melalui mafhum sepotong hadis:

“Talhah bin ‘Ubaidillah menceritakan: “Aku telah berjalan bersama Rasulullah melalui kebun kurma lalu Rasulullah telah melihat satu kaum yang mendebungkan kurma. Lalu Rasulullah bertanya apakah yang kamu sedang lakukan? Mereka menjawab mereka mengambil bunga jantan dan menyatukan dengan benih betina, Nabi berpendapat bahawa ianya tidak memberikan kesan lalu kaum itu pun meninggalkan aktiviti tersebut. Berita

²³ Ahmad Ibrahim Abu Sin (2002), *Pengurusan dalam Islam*, (terj). Kuala Lumpur : DBP, h. 224

²⁴ *ibid*

²⁵ Sahih Bukhari, Kitab al-Iman, bab Sual alJibril al Nabi ‘an al-Iman wa al islam wa ihsan, no hadis 48

²⁶ Kamus Dewan secara online <http://www.karyanet.com.my/>, 1 Ogos 2005

tersebut akhirnya sampai kepada Nabi lalu Nabi berkata bahawa ianya hanyalah sangkaan maka jika kamu rasa ianya berkesan maka teruskanlah, kerana sesungguhnya aku juga manusia biasa seperti kamu dan sangkaan aku ada kalanya betul dan ada kalanya salah tetapi jika aku berkata Allah yang berfirman maka aku tidak sekali-kali berdusta mengenainya²⁷

Hadis ini menunjukkan Rasulullah tidak menghalang umatnya melaksanakan sesuatu yang baru dan memperbaiki kaedah lama untuk menambahkan hasil. Dalam dunia masa kini pelbagai teknologi dan proses moden telah diperkenalkan dalam menghasilkan produk yang lebih baik dan mudah dipasarkan. Hal ini seharusnya menjadi tumpuan usahawan muslim bukan sahaja dengan mempelajari bidang tersebut tetapi cuba mencipta teknologi baru yang lebih baik. Dengan ini ketinggian Islam melebihi agama lain dapat digambarkan oleh pengikutnya yang sentiasa kehadapan dalam semua segi.

MASYARAKAT ISLAM DAN BUDAYA KEUSAHAWANAN

Melalui perbincangan sebelum ini, kita dapat simpulkan bahawa bidang keusahawanan sememangnya sudah sehati dengan Islam. Malah Islam mengiktiraf nilai-nilai keusahawanan sebagai nilai-nilai murni dan selaras dengan sifat-sifat mahmudah yang perlu diamalkan oleh setiap individu muslim. Walau bagaimanapun persoalan yang timbul adakah umat Islam benar-benar memahami dan menjiwai budaya murni ini. Perkara ini perlulah diteliti dan punca permasalahannya perlulah dikenalpasti. Kertas kerja ini merujuk kepada Malaysia sebagai kes dalam menjawab dan meneliti persoalan ini.

Sebagai sebuah negara berbilang kaum, Malaysia mempunyai masyarakat dan corak pekerjaan yang pelbagai. Corak pekerjaan masyarakat Islam di Malaysia boleh dilihat dari sudut sejarah awal kerajaan Melayu sejak dahulu lagi. Semenanjung Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu sememangnya menjadi tumpuan kerana terletak ditengah-tengah laluan perdagangan antara India dan Cina seterusnya berperanan sebagai pelabuhan entrepot yang terkenal.

Meskipun Melaka menjadi pusat perdagangan yang besar, orang Melayu tidak menikmati sepenuhnya kekayaan yang ada. Aktiviti perdagangan didominasi oleh pedagang asing seperti Cina, India, Arab dan orang-orang Eropah. Kajian menunjukkan bahawa orang tempatan kurang terlibat dalam aktiviti-aktiviti perdagangan yang dijalankan.²⁸

Pada zaman pemerintahan British pula, dasar pecah dan perintah mengukuhkan lagi keadaan yang sedia ada. Antara tahun 1840- 1860, British telah menggunakan pelbagai cara untuk menguasai lombong-lombong bijih timah yang kebanyakannya di bawah kuasa sultan dan pembesar-pembesar Melayu. British telah membawa pelombong-pelombong dari Negara Cina untuk bekerja di lombong-lombong tersebut. Akhirnya peranan sultan dan pembesar Melayu hanyalah mengutip cukai dan royalti

²⁷ Sunan Ibn Majah, Kitab al-ahkam, Bab Talkih al-Nahl, no. 2461

²⁸ Abdul Aziz Mahmud (1981), *Malay Entrepreneurship: Problems in Development A Comparative Empirical Analysis*. Kuala Lumpur: Yunit Penyelidikan Sosioekonomi Jabatan Perdana Menteri, hh 22-23 ; Lihat juga Sabri Hj Hussin (2001), *Falsafah Pemikiran Barat Dalam Konteks Perniagaan di Malaysia*. Petaling Jaya: ALJ Publication, Etika dan h. 242

daripada hasil timah tersebut dan tidak terlibat secara langsung dengan pengeluaran bijih.

Polisi British telah menyebabkan kaum Cina mendominasi Bandar-bandar, manakala kaum India di ladang-ladang berikutan bidang perladangan yang juga berkembang pada ketika itu. Hasilnya orang Melayu terus hidup ketinggalan di kampung-kampung tanpa pembelaan sewajarnya. Hal ini telah menghasilkan corak pekerjaan yang berbeza di kalangan etnik di Malaysia dan akhirnya mencetuskan kemarahan orang-orang Melayu yang merasakan mereka terpinggir di tanah air mereka sendiri.²⁹

Corak pekerjaan ini masih ketara sehingga kini meskipun pelbagai cara telah dilakukan untuk menyeimbangkan taraf ekonomi antara kaum. Kaum Cina masih lagi mendominasi bidang perniagaan manakala Orang Melayu yang juga umat Islam lebih cenderung untuk bekerja makan gaji, pekebun kecil dan segelintir sahaja yang menceburkan diri dalam perniagaan.

Selain daripada faktor sejarah, terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan masyarakat Islam kurang berminat menceburkan diri dalam perniagaan. Antaranya adalah persepsi yang salah terhadap kekayaan itu sendiri. Sebahagian masyarakat masih berpendapat bahawa kekayaan hanya merupakan beban dan aktiviti mengumpul kekayaan merupakan suatu yang tidak digalakkan dalam masyarakat dan agama. Ungkapan-ungkapan seperti “apa guna mencari harta, bukan boleh dibawa ke kubur” dan “rezeki secupak tidak akan jadi segantang” masih menghantui pemikiran sebilangan masyarakat.³⁰ Meskipun fahaman ini pada zahirnya semakin ditinggalkan tetapi kesannya masih lagi boleh dilihat melalui sikap dan tindak-tanduk masyarakat.

Di samping itu, persepsi masyarakat terhadap individu usahawan juga tidak begitu baik. Ahli korporat sering dikaitkan dengan pelbagai jenayah kolar putih seperti rasuah, wang haram dan berbagai masalah lagi. Dalam era awal dasar Ekonomi Baru contohnya menyaksikan banyak penyalahgunaan kuasa oleh ahli korporat Melayu dan ahli politik. Dasar kerajaan pada ketika memudahkan mereka mendapat keistimewaan atas nama Bumiputra.³¹ Selain itu pelbagai kes jenayah kolar putih yang lebih komplikated telah didedahkan pada dekad-dekad 80 an dan 90 an yang telah membabitkan beberapa nama-nama besar korporat Melayu.³²

Status Bumiputra itu sendiri dengan pelbagai keistimewaan juga sering dikaitkan dengan masalah ini. Meskipun tiada bukti empirikal yang kukuh, kenyataan ini mungkin ada benarnya. Masyarakat Islam yang majoritinya orang Melayu merupakan bangsa yang bertaraf Bumiputra dan mendapat pelbagai keistimewaan. Pelbagai subsidi dan bantuan dari segi kewangan ataupun bukan kewangan diberikan khusus kepada masyarakat Bumiputra. Hal ini walaupun baik, telah menjadikan masyarakat Islam leka dan sentiasa mengambil mudah.³³ Mereka tidak lagi merupakan bangsa yang tahan lasak dan sentiasa mengharapkan bantuan dan sokongan daripada pihak kerajaan.

²⁹ Abdul Aziz Mahmud (1981), *opcit*, h.23

³⁰ Muhamad Salleh Majid (2003), *Budaya Usahawan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, h 108

³¹ Patricia Sloane (1999), *Islam, Modernity and Entrepreneurship*. USA: St. Martin's Press, h. 78-79

³² Untuk keterangan lanjut lihat Sabri Haji Hussin (2001), *opcit*, h. 249

³³ http://www.ikim.gov.my/bm/artikel/1992-2000/arc_40.htm, Lihat juga Patricia Sloan, *opcit*, 77-79

Selain daripada itu, tahap penerimaan risiko yang rendah menyebabkan masyarakat Melayu lebih suka “makan gaji” daripada bekerja sendiri. Tahap penerimaan risiko bukanlah tertakluk kepada bangsa tertentu. Walau bagaimanapun bukti empirikal banyak menunjukkan golongan yang berhijrah atau tersisih dari tanah air mereka biasaya mempunyai tahap penerimaan risiko yang lebih tinggi.³⁴ Mungkin faktor ini mempunyai kaitan dengan faktor yang disebutkan sebelum ini. Masyarakat Melayu mendapat pelbagai keistimewaan di bumi sendiri dan tidak perlu bersusah payah merantau ke negara lain. Hal ini menjadikan mereka kurang berminat mengambil risiko yang tinggi untuk menjadi usahawan berbanding bekerja dengan pihak kerajaan atau swasta.

Selain daripada faktor-faktor tersebut terdapat banyak lagi faktor yang mungkin menyumbang kepada kurangnya penglibatan umat Islam khususnya di Malaysia dalam bidang keusahawanan. Hal ini amat membimbangkan memandangkan persaingan dalam dunia perniagaan hari ini semakin sengit. Sekiranya umat Islam masih leka, mereka akan terus ketinggalan dan sebarang usaha untuk memperbaiki keadaan ini akan menjadi bertambah sukar.

MENERAPKAN BUDAYA USAHAWAN DALAM MASYARAKAT

Pembentukan usahawan muslim memerlukan persekitaran ekonomi dan sosial yang kondusif. Untuk mewujudkan persekitaran sosial yang baik, masyarakat Islam harus mempunyai kesedaran dan mengamalkan budaya keusahawanan. Umat Islam bukan sahaja harus mengubah persepsi mereka terhadap bidang perniagaan tetapi menghayati nilai-nilai yang wujud dalam keusahawanan itu sendiri. Nilai-nilai tersebut perlulah ada dalam setiap individu meskipun mereka tidak menjalankan sebarang perniagaan. Konsep ini dikenali sebagai keusahawanan dalaman (*intrapreneurship*).³⁵ Untuk mencapai objektif ini, pelbagai usaha oleh pelbagai pihak perlu digembeling secara kolektif. Antara inisiatif-inisiatif yang boleh diambil adalah seperti berikut:

1. Pengukuhan melalui Institusi keluarga

Institusi keluarga merupakan permulaan pembentukan individu dan masyarakat. Melalui peranan ibu bapa, anak akan dibentuk mengikut acuan yang mereka kehendaki. Ini bersesuaian dengan maksud sabda Nabi :

*“ Abu Hurayrah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w berkata : “ Setiap anak adam dilahirkan secara fitrah, maka ibu bapanya yang mencorakkannya sebagai Yahudi, Nasrani atau Majusi.. ”*³⁶

³⁴ John C. Aplin Jr & Leveto A. Greg (1976), Factors That Influence the Business Success of Minority Enteprenuers, *American Journal of Small Business*, Vol1 No.2, h. 32

³⁵ Intrapreneurship adalah satu konsep dimana seseorang individu yang mempunyai ciri-ciri usahawan tetapi bekerja dengan orang lain atau sesebuah syarikat tertentu. Lihat Rieple Alison dan Shailendra Vyakarnam (1994), Corporat Entrepreneurship: A Review, *The Journal of Entrepreneurship*, Vol 3 (1). New Delhi : Sage Publication, hh 1-19

³⁶ Sahih Bukhari, Kitab al-Janaiz, Bab Ma Qila fi Aulad al Musyrikin, no. 1296

Hadis ini menegaskan betapa kuatnya pengaruh pendidikan awal kanak-kanak dalam mencorakkan peribadi individu pada masa akan datang. Kajian telah menunjukkan bahawa ibu bapa mempengaruhi sikap anak-anak sama ada berminat untuk berkecimpung dalam keusahawanan atau sebaliknya. Anak-anak yang mempunyai ibu bapa atau keluarga terdekat yang bekerja sendiri didapati lebih cenderung kepada bidang keusahawanan berbanding mereka yang tidak mempunyai latar belakang tersebut.³⁷

Oleh yang demikian kesedaran mengenai kepentingan keusahawanan ini perlulah wujud dalam diri ibu bapa terlebih dahulu. Memang tidak dinafikan bahawa, ramai ibu bapa di kalangan masyarakat Islam yang tidak berpengalaman dalam bidang perniagaan. Ini menyebabkan mereka tidak dapat menjadi *role model* kepada anak-anak mereka. Walau bagaimanapun mereka haruslah menggalakkan sebarang usaha anak-anak mencuba bidang ini dan tidak bertindak menghalang niat mereka. Mereka juga harus menyemai nilai-nilai keusahawanan seperti berani mengambil risiko, kreatif dan sabar sejak kecil lagi. Ini secara tidak langsung akan mengembangkan potensi diri mereka.

2. Meningkatkan ilmu pengetahuan

Pepatah melalui ada menyatakan “ kalau tak kenal maka tak cinta”. Pepatah tersebut membawa maksud bahawa, seseorang itu akan cenderung atau meminati sesuatu hanya apabila dia benar-benar memahami perkara tersebut. Begitu juga dengan bidang keusahawanan, pengetahuan yang mendalam amat perlu untuk memastikan seseorang itu berjaya dalam bidang yang diceburi.

Masalah tidak mempunyai pengetahuan yang cukup merupakan masalah yang agak membimbangkan di kalangan usahawan Muslim. Pengetahuan yang dangkal menyebabkan usahawan Muslim tidak dapat bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Mereka tidak dapat mengurus dengan baik akibat tidak mempunyai pengetahuan pengurusan yang baik. Kajian menunjukkan bahawa usahawan Melayu kurang berpengetahuan dalam pengurusan syarikat meliputi aktiviti-aktiviti seperti delegasi dan urusan penggajian berbanding syarikat-syarikat milik bukan Melayu khususnya Cina.³⁸

Dalam era teknologi maklumat, pengetahuan merupakan sumber yang amat penting dan strategik. Islam telah lama menyeru umatnya untuk menuntut ilmu yang merupakan proses berterusan sepanjang hayat. Ini bertepatan dengan sabda Rasul yang mafhumnya:

“ Daripada Anas bin Malik bahawa Rasulullah bersabda : “Menuntut Ilmu adalah wajib ke atas setiap muslim”³⁹

³⁷ Banyak kajian menunjukkan bahawa ibu bapa yang berniaga banyak mempengaruhi sikap anak-anak untuk bekerja sendiri. Kajian juga mendedahkan bahawa anak-anak perlu didedahkan dengan aktiviti-aktiviti pengurusan keluarga bagi memastikan mereka menjadi usahawan yang baik. Untuk maklumat lanjut sila lihat Birley Sue (2001), *Owner- Manager Attitudes to Family and Business Issues: A 16 Country Study, Entrepreneur Theory and Practice*, Vol 26, Issue 2, hh. 63-76

³⁸ Abdul Aziz Mahmud (1981), *opcit*, hh. 142-147

³⁹ Sunan Ibn Majah, *Kitab al Muqaddimah*, Bab Fadl al-‘Ulama wa al-Hathu ‘ala Talabi al ‘Ilm, no. 220

Oleh yang demikian, budaya menuntut ilmu ini perlulah dihayati oleh semua pihak, lebih-lebih lagi usahawan. Ini memastikan bahawa golongan usahawan muslim merupakan golongan yang disegani dalam bidang ilmu pengetahuan di samping mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi.

Pendekatan pendidikan ini juga harus ditekankan oleh pihak-pihak berwajib dalam mendidik masyarakat. Kursus-kursus dan seminar secara formal mahupun tidak formal perlu diperbanyakkan untuk memastikan budaya ini dapat dikongsi oleh setiap lapisan masyarakat.

3. Contoh yang baik oleh usahawan

Peranan membudayakan masyarakat dengan keusahawanan perlulah ditunjangi oleh usahawan sendiri. Usahawan perlu menunjukkan contoh yang baik dan menjadi *role model* kepada masyarakat. Persepsi buruk terhadap mereka perlu diperbetulkan dari semasa ke semasa. Usahawan perlu mencontohi para sahabat Rasul yang sentiasa menjadi penyokong kuat terhadap perkembangan Islam.

Para usahawan muslim harus beriltizam untuk sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni keusahawanan dan meninggalkan segala larangan Allah s.w.t. Sifat-sifat sabar, ikhlas, mesra dan sebagainya harus ditonjolkan di samping menawarkan produk-produk yang berkualiti. Di samping itu usahawan juga harus memenuhi obligasi mereka terhadap masyarakat dengan bersedekah, menderma dan menunaikan zakat.

Usahawan juga perlu mendekati diri dengan masyarakat dan memainkan peranan yang lebih aktif. Selain bantuan material, usahawan juga boleh menyumbang tenaga dan idea dalam meningkatkan taraf hidup dan sosial masyarakat. Contoh dan model yang baik ini akan membuka mata masyarakat bahawa usahawan merupakan golongan yang hebat dan berwibawa.

4. Sokongan berterusan dari pihak kerajaan

Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam menerapkan budaya keusahawanan dalam masyarakat. Pelbagai usaha dan dasar telah dirangka bagi mencapai objektif tersebut. Melalui Dasar ekonomi Baru kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah untuk meningkatkan pegangan orang Melayu dalam ekonomi. Selepas Dasar Ekonomi Baru, kerajaan tetap meneruskan usaha murni ini dengan mewujudkan Dasar Pembangunan Negara. Penyertaan masyarakat Melayu dalam bidang keusahawanan diberikan dorongan dan bimbingan padu dari pelbagai sudut. Kerajaan telah mewujudkan pelbagai agensi untuk menyokong usaha-usaha ini. Antaranya adalah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, MARA, MARDI, PERNAS, MIDA dan banyak lagi badan-badan lain. Agensi dan badan-badan ini membantu usahawan dari segi kewangan, pemasaran, kemahiran teknologi dan pelbagai aspek lain.⁴⁰

Melalui dasar-dasar tersebut kerajaan secara langsung ataupun tidak langsung telah cuba menerapkan budaya keusahawanan kepada seluruh Masyarakat. Program yang dirangka oleh agensi dan kementerian terbabit bukan sahaja meliputi individu yang

⁴⁰ Abdul Aziz Mahmud (1981), *opcit*, h.148

berkecimpung dalam perniagaan tetapi juga meliputi pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Malah kesedaran dan motivasi perniagaan juga diberikan kepada golongan-golongan tertentu seperti ibu tunggal dan masyarakat di bawah kategori miskin. Program-program seperti ini sebenarnya memberikan gambaran kepada masyarakat betapa pentingnya keusahawanan dan perlunya mereka menghayati budaya dan nilai-nilai dalam keusahawanan tersebut.

KESIMPULAN

Keusahawanan merupakan bidang strategik yang perlu diceburi oleh lebih ramai umat Islam di Malaysia. Selain daripada objektif ekonomi, keusahawanan mengandungi nilai-nilai murni yang harus dihayati oleh masyarakat Islam. Antara nilai-nilai yang wujud meliputi sifat sabar, berani menanggung risiko, kreatif, berpengetahuan tinggi, bersungguh-sungguh dan pelbagai sifat *mahmudah* yang lain. Ciri-ciri dan nilai dalam keusahawanan ini sebenarnya merupakan nilai-nilai yang sejajar dengan tuntutan Islam. Selain itu, perniagaan dan keusahawanan itu sendiri merupakan kerjaya yang mendapat tempat yang cukup istimewa dalam Islam.

Walaupun bagaimanapun, masyarakat Islam kini tidak lagi mempelopori bidang ini dan hanya lebih selesa sebagai golongan pengguna dan pembeli sahaja. Ini menimbulkan pelbagai masalah terhadap umat Islam secara keseluruhan.

Oleh yang demikian, usaha perlulah digembeling agar bidang keusahawanan dan perniagaan ini menjadi bidang pilihan umat Islam semula sebagaimana yang telah ditunjukkan melalui sejarah Rasulullah dan para Sahabat. Sebagai permulaan, kesedaran perlulah diterapkan kepada keseluruhan lapisan masyarakat Islam melalui pembudayaan nilai dan sikap usahawan. Dengan menghayati dan membudayakan nilai-nilai keusahawanan ini, masyarakat Islam akan secara langsung atau tidak langsung akan berusaha dengan lebih keras dan cuba meningkatkan kemampuan diri untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi mereka. Ini akan mendekatkan mereka dan seterusnya menjadikan perniagaan dan keusahawanan sebagai bidang kerjaya pilihan di masa akan datang. Insya Allah.